

### 1. RK23 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Sistem Elektrik)

Program ini tertumpu kepada beberapa bidang utama iaitu sistem kuasa, mesin elektrik dan kejuruteraan voltan tinggi. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan mempelajari keseluruhan operasi di dalam sistem kuasa merangkumi penjana, penghantaran, perlindungan dan pengagihan kuasa. Selain itu, kursus ini turut meliputi rekabentuk mesin elektrik, teknik-teknik kawalan dan kejuruteraan voltan tinggi.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Elektrik
- Jurutera Servis Elektrik
- Jurutera Fasiliti
- Jurutera Rangkaian Keretapi Elektrik
- Ahli Akademik
- Jurutera Kompeten Elektrik
- Konsultan Elektrik
- Jurutera Selenggara
- Pereka Elektrik (R&D)

### 2. RK45 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Industri)

Program ini tertumpu kepada proses dan teknik kawalan di industri yang menggunakan litar elektronik. Pelajar yang mengambil kursus ini akan mempelajari aplikasi dan kawalan litar-litar elektronik di dalam sistem pengaturan, kawalan mesin, kawalan proses serta rekabentuk termaju tenaga boleh diperbaharu.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Elektronik
- Pereka Elektronik (R&D)
- Jurutera Analisa Kegagalan
- Ahli Akademik
- Jurutera Keselamatan dan Kesihatan Elektronik
- Jurutera Servis Elektrik
- Jurutera Rekabentuk Litar Bersepadu
- Pengendali Bilik Bersih
- Jurutera Kompeten Elektrik

### 3. RK96 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga)

Program ini tertumpu kepada aspek teknologi penjana dan pengurusan tenaga elektrik yang meliputi tenaga elektrik yang boleh diperbaharui serta sumber-sumber tenaga alternatif. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan mempelajari keseluruhan operasi dalam sistem tenaga elektrik merangkumi penjana, penghantaran, perlindungan dan pengagihan serta pengurusan sumber tenaga serta rekabentuk termaju tenaga boleh diperbaharu. Ianya juga meliputi penggunaan teknologi termoden dalam penjana dan pengurusan tenaga pada sistem. Secara umumnya bidang kejuruteraan elektrik sistem tenaga mempunyai skop yang luas terutamanya di sektor penjana kuasa menggunakan tenaga boleh diperbaharui.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Elektrik
- Jurutera Kompeten Elektrik
- Konsultan Tenaga
- Pereka Sistem Tenaga (R&D)
- Ahli Akademik
- Jurutera Servis Elektrik
- Pengurus Tenaga
- Jurutera Alatan Tenaga Diperbaharu
- Jurutera Piawaian Tenaga